

BUDAYA KERJA PERKHIDMATAN AWAM SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan berakhir pada 9 Jun 2020 dan akan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020.

Sepanjang tempoh PKPP ini, semua perkhidmatan Kerajaan beroperasi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (WFH) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebijakan penjawat awam sebagaimana Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(6) bertarikh 2 Mei 2020.

Bagi menyokong ekonomi negara agar kembali berada di landasannya, saya menggesa agar semua projek-projek pembangunan diteruskan dengan kadar segera. Bagi projek yang benar-benar memerlukan lawatan tapak, aktiviti ini adalah dibenarkan dengan mengamalkan kebiasaan baharu dan meminimalkan bilangan peserta.

Mesyuarat dan bengkel juga dibenar untuk dianjurkan dengan mematuhi prosedur keselamatan dan protokol kesihatan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang akan dikeluarkan oleh MKN termasuk semua arahan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi.

Ketua-ketua Jabatan perlu memastikan semua SOP keselamatan dan kesihatan dipatuhi sepenuhnya seperti melaksanakan saringan suhu badan, mengamalkan penjarakan sosial, memakai penutup muka dan menyediakan hand sanitizer.

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

8 Jun 2020